



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	'KEKURANGAN BEKALAN TELUR, AYAM PULIH', NASIONAL, SH -11 TIADA LAGI MAKANAN ASAS DIIMPORT DALAM 10 TAHUN, NASIONAL, BH -14 BEKALAN BERAS KURANG AKIBAT CUACA, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	SASAR EKSPORT SATU TAN BUAH MARKISA, NEGARA, KOSMO -7 DURIAN BALIK PULAU KEMBALI OGOS INI, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	LADANG TERNAKAN RUSA PRODUK PELANCONGAN BAHARU BERA, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	FISHERMEN GRATEFUL FOR RM192m TO UPGRADE PORT, NEWS, THE SUN -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	FAMA LAKSANA LANGKAH INTERVENSI JIKA HARGA BAHAN MAKANAN NAIK, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	AGROBANK PERKENAL DANA PADI SPPM, BISNES, HM -35	AGROBANK
10.	LENGKONG MERAJUN TAK DILAYAN, LOKAL, HM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

'Kekurangan bekal telur, ayam pulih'

KLANG - Kekurangan bekal telur dan ayam dalam negara semakin pulih susulan langkah berterusan diambil kerajaan termasuk kerjasama pemain industri dan persatuan penternak.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bahkan terdapat tempat yang mampu menurunkan harga ayam lebih rendah.

"Ada tempat harga ayam itu telah turun dan ini adalah usaha gigih kita dan (pihak kementerian juga) selalu berdialog dengan persatuan penternak," katanya di sini pada Khamis.

Menurut Mohamad, pihaknya juga memberi jaminan bekal beras negara mencukupi selain memastikan harga beras kekal pada paras rendah.

Selain itu, Mohamad berkata, harga beras tempatan akan terus dikekalkan serendah RM2.60 sekilogram dan beras import dijual pada harga bermula RM2.80.

Tiada lagi makanan asas diimport dalam 10 tahun

Kerajaan laksana pelbagai inisiatif capai sasaran 100 peratus tahap sara diri

Oleh Norzaminira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Klang: Kerajaan menetapkan sasaran 10 tahun untuk mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) bagi beberapa bahan makanan asas termasuk beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementerianya sedang berusaha meningkatkan jaminan makanan dengan bantuan petani.

"Tekad kita dalam tempoh 10 tahun ini, negara akan mencapai 100 peratus SSL khususnya bagi makanan asas seperti beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran," katanya ketika berucap merasmikan Bangunan Pejabat Pertanian Peladang Kawasan Klang, semalam.

Malaysia mencapai 100 peratus SSL untuk 26 bahan makanan terpilih yang sebahagian besarnya adalah buah-buahan dan sayur-sayuran.



Mohamad Sabu (tengah) bersama penerima bantuan Pejabat Perasmian Bangunan Pejabat Pertanian Peladang Kawasan (PPK) di Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

Telur ayam dan itik adalah satu-satunya item di bawah kategori protein penting yang mana SSL melebihi 100 peratus. Sebelum ini dilaporkan beberapa buah-buahan dan sayur-sayuran tidak mencapai sasaran 100 peratus SSL termasuk cili, halia, kubis, mangga dan kelapa.

Mohamad berkata Malaysia masih belum mencapai 100 peratus SSL untuk beras dan kementerianya sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran ruiji itu.

"Minggu lalu, Perdana Menteri mengumumkan projek menaikkan infrastruktur padi berjumlah RM3 bilion," katanya sambil menambah bahawa kerajaan berharap pesawah dapat meningkatkan pengeluaran mereka.

Bekalan lepai tahap getih

Sementara itu, Mohamad memaklumkan bekalan telur serta ayam kini melepasi tahap getih dan kembali pulih dengan ada peniaga mula menurunkan harga ayam.

Beliau berkata, perkembangan itu adalah hasil usaha kementerian demi memastikan bekalan di pasaran mencukupi untuk pengguna.

"Sudah pulih (isu bekalan) bahkan ada tempat harga ayam sudah mula turun jadi usaha getih termasuk dialog dengan peratuan penternak berhasil.

"Kita harap tidak ada krisis baharu dan sebagainya yang boleh menjejaskan import bijirin jagung dan soya sebab bijirin jagung kita masih di tahap permulaan penanaman dan lambat lagi untuk mencukupi bekalan," katanya.

Mohamad turut memaklumkan bekalan beras di seluruh negara mencukupi, namun mengakui terdapat kekurangan beras tempatan di beberapa kawasan.

21/7/2023

KOSMO

NEGARA

16

Namun stok makanan utama itu masih mencukupi di pasaran tempatan.

Bekalan beras kurang akibat cuaca

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**

KLANG - Kementerian Pertanian dan Kelestarian Makanan mengaguti terdapat sekurangnya 10 peratus kekurangan stok beras di pasaran tempatan ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keadaan cuaca yang ditaklakan tidak dapat disangkal sebagai penyebab utama kepada kekurangan stok beras tempatan.

Justeru katanya, orang ramai diminta membuat laporan kepada kementerian jika berlaku kekurangan beras di kawasan lokasi sewajarnya.

"Bekalan beras tempatan memang berlaku sedikit pengurangan, tetapi kami yakin bekalan beras masih mencukupi di pasaran tempatan."

"Saya harap pengilang beras dapat keluarkan stok bekalan beras yang mereka ada. Kami

untuk dibeli oleh rakyat negara ini."

Menurut laporan media antarabangsa, pengeluaran beras di serata rantau Asia Selatan dan Asia Tenggara diangka terjejas berikutan fenomena cuaca El Niño.

Dalam perkembangan berlainan, Mohamad menjelaskan, bekalan telur dan ayam ketika ini kembali pulih setelah beberapa tahap gear bekalnya sebelum ini.

"Sudah pulih (stok) bekalan telur dan ayam, bahkan ada tempat harga ayam sudah mula turun. Jadi usaha giler (komertoran) termasuk dialog dengan pesertai penanam telah mementahkan."

"Kita harap tidak ada pepenangan baharu dan sebagainya yang boleh mengagalkan import telur, daging dan ayam sebab kita tahu biliran jagung kini di tahap rendah. Jadi kita mementahkan (gear) bekalan beras memastikani lambat lagi untuk mencukupi bekalan," katanya.



MOHAMAD (tengah) berpaparan bersama tetamu pada majlis persembahan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasari (PPK) Klang semalam.

tidak mahu masalah ini berturutan, kerana selepas merampas dengan ayatkan Pasbernas (Pergerakan Bersekepu) dan orang awam masalah tersebut di satu jahan penyelesaian jangka panjang akan dilakukan selepas perujuk akan dilakukan selepas ini.

FAMA laksana langkah intervensi jika harga bahan makanan naik



FAMA akan melaksana langkah intervensi sekiranya harga bahan makanan meningkat, berikutan keputusan kerajaan Russia yang mengurangkan semua perapalan eksport bijirin. - GAMBAR HASRAN

KLING - Langkah intervensi akan diambil jika berlaku kenaikan harga bahan makanan susulan keputusan kerajaan Russia yang mengurangkan semua perapalan eksport bijirin.

Pengerusi Lembaga Pemantauan Perapalan, Keparapangan dan Makanan (FAMA), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan mengambil maklum perkara tersebut sekiranya Russia terus melakukannya sehingga satu tempoh yang tidak dapat dipastikan.

"Jika berlaku, langkah intervensi terhadap bahan makanan yang dimakan oleh manusia seperti ayam, daging lembu, ikan dan lain-lain. Kalau bahan makanan yang dimakan manusia, kita akan bertindak mengasimilasi di bawah Kementerian Pertanian dan Kesterjaminan Makanan (KPKM)."

"Jadi, orang ramai tidak perlu bimbang sangat mengenai isu ini."

Malah, mereka boleh berkunjung ke pasar yang diuruskan FAMA, katanya ketika ditemui pada sidang persidangan Pejabat Bertanggungjawab dan Perapalan (PPK) Klang di sini semalam.

Jelas Aminuddin, pihaknya sebelum ini telah membuat intervensi ketika kenaikan harga bahan makanan seperti pengurangan (Jalan Agro Medan), Jalan

telah melakukan perbincangan dengan ayatkan Pasbernas (Pergerakan Bersekepu) dan orang awam masalah tersebut di satu jahan penyelesaian jangka panjang akan dilakukan selepas perujuk akan dilakukan selepas ini.

Kena Mohamad, kementerian pertanian, menjelaskan, bekalan telur dan ayam ketika ini kembali pulih setelah beberapa tahap gear bekalnya sebelum ini.

"Sudah pulih (stok) bekalan telur dan ayam, bahkan ada tempat harga ayam sudah mula turun. Jadi usaha giler (komertoran) termasuk dialog dengan pesertai penanam telah mementahkan."

"Kita harap tidak ada pepenangan baharu dan sebagainya yang boleh mengagalkan import telur, daging dan ayam sebab kita tahu biliran jagung kini di tahap rendah. Jadi kita mementahkan (gear) bekalan beras memastikani lambat lagi untuk mencukupi bekalan," katanya.

Media luar negara semalam melaporkan, kerajaan Russia menaikkan diri daripada perapalan yang membenarkan Ukraine mengeksport bijirin melalui Laut Hitam dengan menggunakan kapal-kapal dagang dengan masalah kebantuan.

Struss (tu) sekali gus mencetuskan gelombang pengurangan keselamatan makanan global ketika harga bahan mematah melambung tinggi.

Sijil myGAP, Perak SADC memudahkan peladang pasar produk ke Singapura

Sasar eksport satu tan buah markisa

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh LUOMAN RIDHWAN MOHD. NOR

PARIT – Ratusan pokok markisa tumbang akibat cuaca buruk menjadi antara cabaran yang perlu dihadapi oleh satu-satunya pengusaha tanaman tersebut secara komersial di daerah Perak Tengah iaitu Lister Trading.

Pemiliknya, Leong Kam Lam, 55, berkata, ia bagaimanapun tidak mematahkan semangat untuk meneruskan usaha penanaman markisa di ladang seluas empat hektar di Kampung Kubang Chandung di Bota, di sini.

Ujarnya, berbekalkan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang pertanian, dia, dengan bantuan ahli keluarga dan pekerja cekal berhadapan situasi tersebut dan akhirnya berjaya mengutip sekitar dua tan buah markisa pada musim menuai yang lalu.

"Buah ini mempunyai permintaan membrangsangkan dalam pasaran. Jadi, sasaran kami ketika ini adalah untuk mengeksportnya ke Singapura menjelang hujung tahun ini.

"Untuk permulaan, kami berhasrat mengeksport kira-kira



KAM LAM (kiri) bersama isterinya, Ling Pek Leng di ladang mereka di Kampung Kubang Chandung, Bota di Parit semalam.

telah memohon kepada Perak SADC untuk bantuan kewangan bagi tujuan tersebut.

"Setelah mereka melakukan kunjungan ke ladang kami, akhirnya peruntukan RM60,000 berjaya diperolehi sekitar Mac lalu. Dana itu membantu dalam usaha memasang tiang tersebut yang menelan belanja sekitar RM15 setiap satu," katanya.

Menurutnya, kira-kira 400 tiang simen berkenaan telah berjaya dipasang setakat ini, yang mana meliputi kira-kira 15 peratus daripada kawasan tanaman buah markisa di ladangnya.

"Buah ini bukan boleh ditanam sesuka hati, ia perlu dijaga dengan rapi. Sebagai contoh, ia perlu dibaja sebanyak tiga kali sebulan iaitu pada setiap 10 hari.

"Barulah buah yang dihasilkan itu tinggi nilai grednya. Ketika ini, buah markisa gred A dijual sekitar harga RM5 sekilogram, manakala gred B dijual pada harga RM3 sekilogram," katanya.

Tambahnya, usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan peladang seperti ini perlu diteruskan kerana ia membolehkan mereka mengharungi cabaran dalam bidang berkenaan.

"Jadi, saya berharap kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad dapat meneruskan usaha baik yang telah dilaksanakan tersebut pada masa hadapan," katanya.

Perak (Perak SADC) juga membantu syarikatnya menerusi Skim Pembangunan Usahawan.

"Bagi memastikan buah markisa dapat ditanam dengan baik, kami perlu memasang tiang besi bersimen sebagai sokongan (terhadap anak pokok). Jadi, saya

lan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dari Jabatan Pertanian, sekali gus memudahkan laluan untuk mengeksport buah markisa keluaran mereka.

Dia berkata, pihak kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri

satu tan buah markisa ke Singapura. Sudah ada pihak syarikatan minat untuk mendapatkan buah ini daripada kami," katanya kepada Kosmo/ di sini semalam.

Pada masa sama, Kam Lam berkata, pihaknya juga berjaya mendapatkan sijil Skim Pensiji-

Faktor cuaca, sumber air penyebab pengeluarannya dijangka meningkat 70 peratus Durian Balik Pulau kembali Ogos ini

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Pengeluaran buah durian Balik Pulau untuk musim kedua bermula hujung bulan ini dijangka meningkat sehingga 70 peratus, selain dikatakan berlaku lambakan raja buah itu pada minggu pertama Ogos depan.

Seorang pekebun durian yang mahu dikenali sebagai Tan, 36, berkata, dia menjangkakan berlaku pertambahan bilangan pengeluaran raja buah itu di kebunnya di Balik Pulau berikutan faktor cuaca, sumber air dan lokasi keberadaan pokok berbanding 60 peratus pada musim pertama Mei lalu.

Menurutnya, penghasilan buah kali ini lebih tertumpu kepada tanaman di bukit yang tinggi terutama durian jenis premium iaitu musang king dan duri hitam.

"Kami ketika ini hanya menunggu buah durian luruh dari pokok di kebun yang terletak di kawasan bukit yang tinggi. Musim pertama, kebanyakan buah luruh di tanaman yang terdapat aras bawah bukit.



DURIAN Balik Pulau dijangka meningkat 70 peratus untuk musim kedua akhir bulan ini.

"Kali ini buah dijangka menjadi lebih banyak. Mungkin akan berlaku lambakan durian pada minggu pertama Ogos depan dan kembali stabil pada September hingga Oktober," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Tan memberitahu, pelbagai varieti durian seperti musang king, duri hitam, udang merah,

hor lor dan jenis kampung akan berada di pasaran sehingga penghujung musim Oktober depan.

"Penggemar tidak perlu bimbang kerana banyak varieti durian kegemaran dari dusun Balik Pulau akan kembali di pasaran.

"Saya beri jaminan yang harga buah di peringkat pekebun masih kekal sama. Kualiti buahnya juga

adalah yang terbaik dan enak," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai dakwaan kesukaran menikmati buah durian Balik Pulau di premis-premis di ibu kota, Kuala Lumpur, Tan berkata, kemungkinan raja buah itu dianggap sebagai eksklusif dan laris di pasaran negeri terbabit.

"Setiap hari, kira-kira empat buah lori akan membawa durian Balik Pulau ke Kuala Lumpur. Mana mungkin tidak ada atau tidak dijual di sana.

"Boleh jadi durian dari kebun Balik Pulau dikategorikan sebagai buah paling eksklusif atau produk edisi terhad sehingga jualan buah itu sukar ditemui di sana (Kuala Lumpur)," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pemilik dusun, Kenny Soong Joon Sin, 48, pula memberitahu, musim durian pertama tahun ini berlaku lebih pantas, iaitu cuma dua bulan berbanding iaitu dua bulan setengah pada tahun lalu.

Katanya, buah durian di enam dusun milik seliaannya habis luruh seminggu sebelum berakhirnya bulan Jun lalu.

"Tahun ini durian luruh terlalu cepat, musim buah berlaku tidak panjang berbanding dua bulan setengah tahun lalu.

"Para peminat durian kena tunggu bulan April tahun depan pula untuk menikmati aneka durian premium dan kahwin seperti musang king, duri hitam, naga hijau, ang hae dan siaw hung," katanya.

Ladang ternakan rusa produk pelancongan baharu Bera

BERA – Ladang ternakan rusa yang diusahakan Koperasi Desa Lestari Seberang Guai, di sini akan menjadi salah satu produk pelancongan daerah ini setelah proses pembiakan haiwan ini berjaya dilakukan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Seberang Guai, Safie Yahya berkata, ternakan rusa jenis samba itu dilaksanakan secara berperingkat dengan permulaan sebanyak lima ekor yang dimasukkan ke kandang itu bagi fasa pertama.

"Bagi fasa pertama ini, sudah ada anak dan selepas ini, kita akan masukkan lagi 10 ekor rusa sehingga membiak menjadi 50 ekor.

"Kandang yang sedia ada ini mampu membuatkan sehingga 50 ekor rusa, tetapi kita akan terus mengembangkan projek ini dengan pembinaan kandang yang lebih luas di atas tanah seluas 0.4 hektar ini," katanya ketika ditemui di Ladang Projek Ternakan Rusa Seberang Guai yang dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Guai, Datuk Sabariah Saidan, di sini, semalam.

Menurut Safie, sebanyak RM50,000 diperlukan bagi membiayai 10 ekor rusa pada



SABARIAH (tiga dari kiri) dan Safie (dua dari kanan) di Ladang Projek Ternakan Rusa Seberang Guai di Bera semalam.

peringkat awal bagi satu musim sehingga rusa-rusa itu mampu melahirkan anak.

Jelasnya, memandangkan ternakan ini membabitkan kos besar, pihaknya turut bercadang mengembangkan projek itu dengan menjual rusa atau dagingnya.

"Ini adalah salah satu kaedah untuk hasil pendapatan koperasi sebab kalau hendak tunggu untuk pelancongan agro, ia akan menunggu tempoh yang lama.

"Apa pun, sememangnya hasrat koperasi untuk menjadikan ladang ini sebagai mini zoo dan kita akan tambah lagi haiwan-haiwan lain terutamanya haiwan liar seperti kijang dan landak sebagai tarikan," katanya.

Sementara itu, Sabariah berkata, usaha koperasi memternak rusa dilihat aktiviti perladangan yang mampu meningkatkan sumber ekonomi kampung dan ia salah satu industri yang penting di negara ini.

Fishermen grateful for RM192m to upgrade port

KUALA TERENGGANU: An allocation of RM192 million to upgrade the Chendering Port could help increase fish landings and solve the shallow water issue there, said Terengganu Fisheries Development Authority director Rosli Mustapa.

He said it was currently difficult for Class C and C2 fishing boats to dock at the port due to strong waves and the increasing drop in water level.

"The situation caused large fishing boats to take turns docking, slowing down the fish landing process and increasing costs, (unlike) when four boats could dock simultaneously.

"Some fishermen also prefer to land their

catch at the Tok Bali Port in Kelantan or the Kuantan Port in Pahang, and the Terengganu Fisheries Department provides flexibility (in this matter).

"However, it is a loss for Terengganu because the fish are caught in our waters, yet go to other states."

Rosli said the allocation approved in March has brought huge relief to the fishermen and state authority, and is hoped to aid in reviving the glory days of the Chendering Port.

He added that the upgrading project will comprise three major components of deepening the surrounding waters, repairing

breakwaters and improving infrastructure.

On another matter, Terengganu Fishermen Association chairman Mat Yassim Mohamed said high waves during the monsoon season have threatened the safety of fishermen and boats docked at the port.

"Sand erosion has lowered existing breakwaters to the point where they can no longer shelter vessels, resulting in the loss of many.

"This situation affects us, particularly those who rely on fishing as their primary source of income. So, we are very thankful for the allocation provided to carry out the project." - Bernama

Agrobank perkenal dana padi SPPM

Kuala Lumpur: Agrobank memperkenalkan Dana Skim Pembiayaan Padi Madani (SPPM) bernilai RM100 juta yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Selangor.

Dana berkonsepkan kemudahan pembiayaan tanpa cagaran bagi membiayai modal pusingan penanaman padi ini ditawarkan kepada pesawah yang mempunyai pengurusan penanaman sawah yang teratur dan disahkan oleh agensi kerajaan berkaitan.

Dana SPPM ditawarkan bermula sekarang bagi tempoh setahun.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, keis-

timewaan yang ditawarkan pada dana ini adalah ia disediakan dengan perlindungan takaful kemalangan diri percuma.

“Perlindungan takaful sebanyak RM10,000 ditawarkan untuk setiap petani berdaftar iaitu penerima Skim Subsidi Harga Padi (SHP),” katanya.

Menurutnya, pihaknya memahami keperitan dan kesusahannya yang dialami oleh pesawah dalam menjalankan kerja bendang meraka dan menawarkan perlindungan takaful ini.

Selain itu, Agrobank turut menyumbang kepada Tabung Hijrah Madani berjumlah RM100,000 kepada IADA Barat Laut, Selangor bagi aktiviti pembangunan masjid dan surau di negeri Selangor bersempena sambutan Awal Muharram.

Lengkong merajuk tak dilayan

Suri rumah layan lebih 20 lembu, kerbau, kambing bagai kawan rapat hingga memahami arahan

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Bentong

Keakraban suri rumah ini dengan lebih 20 ekor kerbau, lembu dan kambing peliharaannya mencuri perhatian netizen apabila haiwan itu bukan saja manja, malah turut mendengar arahan wanita berkenaan.

Beberapa video dikongsikan Norsalasati Said, 52, mendapat perhatian di TikTok kerana haiwan ternakannya seolah-olah memahami setiap gerak geri ibu tiga anak itu, malah berlari ke arahnya setiap kali dipanggil.

Berkongsi cerita, Norsalasati berkata, haiwan ternakan diuruskannya sendiri di padang ragut Kampung Lebu di sini dengan dibantu suaminya, Zamri Salim, 55, bersama anak serta menantu sejak lima tahun lalu.



NORSALASATI bersama pelbagai haiwan ternakannya.

Menurutnya, beberapa haiwan ternakan itu ada nama seperti Lengkong, Abu, Akob, Sifu, Tonga dan Putih, manakala selebihnya dipanggil Abau merujuk kepada kerbau, Mbek untuk kambing dan Mboo untuk lembu.

"Saya bermula dengan dua (kerbau) saja, selepas itu haiwan itu membiak dan sekarang ada lebih 20 haiwan termasuk ayam. Semua haiwan ternakan manja dan jinak kerana saya suka berbulu serta memanjakannya. "Setiap pagi dan petang selepas solat Asar saya akan ke padang ragut urus haiwan ternakan. Ternakan dilepaskan di sekitar padang ragut saja dan apabila tiba waktu masuk kandang, saya cuma jerit dan semua akan balik.

"Setakat ini semua haiwan itu menurut kata," katanya. Katanya, menternak haiwan mengajarnya erti kesabaran tinggi kerana ia mempunyai perangai atau karenah, malah kadang-kadang suka merajuk namun setakat ini dia tidak pernah berhadapan situasi ternakannya 'nak minyak'.

"Yang paling manja kerbau bernama Lengkong, kalau saya layan lembu ia akan mendengus seolah-olah merajuk dan kalau saya layan kerbau, lembu pula datang tolak-tolak manja, tetapi setakat ini ternakan saya tidak pernah 'berkasar'. Saya sayang semuanya dan anggap kawan *healing* petang-petang, malah kalau tak pergi sehari rasa seperti tak tenang hati ini," katanya.

Menurut Norsalasati, pada usia sekarang, dia tidak mengangap usahanya menternak haiwan sebagai 'kerja gila' kerana aktiviti itu menenangkan jiwa di kala meniti usia.

